

KENYATAAN MEDIA
6 OKTOBER 2023

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

ST Ingatkan Orang Ramai Utamakan Keselamatan Elektrik dan Gas di Musim Peralihan Monsun

Putrajaya, 6 Oktober 2023 – Suruhanjaya Tenaga (ST) ingin mengingatkan orang ramai untuk sentiasa berwaspada dan berhati-hati di musim Peralihan Monsun seperti yang diumumkan oleh Jabatan Meteorologi (MET) Malaysia baru-baru ini. Keadaan cuaca di fasa Peralihan Monsun yang dijangka berterusan sehingga November 2023 berpotensi menyebabkan banjir serta bencana lain ekoran daripada kejadian hujan lebat, ribut petir, angin kencang yang kini melanda negara.

Berikutan itu, ST menasihati orang ramai agar sentiasa berhati-hati dan mengutamakan keselamatan elektrik dan gas di musim Peralihan Monsun ini. Orang ramai juga dinasihatkan untuk berwaspada ketika tempoh ini kerana keadaan cuaca serta potensi banjir boleh mengakibatkan pelbagai risiko antaranya tiang elektrik tumbang, talian elektrik putus, dan kerosakan kelengkapan elektrik dan gas.

ST menasihati agar orang ramai menyimpan nombor telefon pejabat kecemasan seperti nombor balai polis, bomba, hospital dan syarikat utiliti yang berdekatan dan pastikan nombor tersebut mudah diakses semasa kecemasan.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

ST juga ingin kongsi tip langkah-langkah pengawasan yang boleh diambil bagi memastikan **Keselamatan Elektrik dan Gas Sebelum, Semasa dan Selepas Banjir** seperti berikut:

Sebelum Banjir

Sekiranya mempunyai masa sebelum diarah berpindah, pastikan perkara berikut dilakukan:

1. Simpan kelengkapan elektrik di tempat yang tinggi dan selamat daripada ditenggelami air banjir.
2. Pastikan mematikan bekalan utama di papan agihan elektrik.
3. Pastikan untuk mematikan pemasangan elektrik yang disambung secara berasingan daripada suis utama seperti solar PV atau pagar elektrik.
4. Pastikan injap silinder gas atau gas perpaip ditutup.

Semasa Banjir

1. Elakkan daripada melalui kawasan yang ada talian elektrik atau pemasangan elektrik seperti pencawang dan bilik suis elektrik yang ditenggelami air.
2. Elakkan daripada berada di lokasi yang terdapat talian elektrik putus.
3. Elakkan daripada memegang tiang atau apa-apa struktur yang menyalurkan elektrik.
4. Dilarang untuk mengalih tiang elektrik tumbang atau talian elektrik putus. Segera laporkan kepada pihak utiliti elektrik.

Selepas Banjir

1. Pastikan suis utama di papan agihan elektrik dan injap saluran gas berada pada kedudukan 'OFF' sebelum kerja pembersihan dimulakan.
2. Sebelum 'ON' suis utama, pastikan kelengkapan elektrik dalam keadaan baik dan kering.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

3. Elakkan menggunakan kelengkapan elektrik dan gas yang diragui keselamatannya.
4. Sekiranya meragui keselamatan sistem elektrik dan gas berpaip, dapatkan perkhidmatan kontraktor elektrik atau gas yang berdaftar dengan ST.
5. Sentiasa berwaspada apabila menjalankan aktiviti pembersihan banjir berdekatan dengan talian, struktur pemasangan elektrik dan saluran gas berpaip.

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan atau aduan mengenai perkara ini, sila hubungi ST melalui talian 03-8870 8800 atau email ke eaduan@st.gov.my. Layari juga laman web ST di www.st.gov.my.

1 Sebelum Banjir

1. Pindahkan kelengkapan elektrik ke tempat yang tinggi.
2. **Off** suis utama elektrik.
3. **Off** injap saluran gas.

2 Semasa Banjir

Jangan!!!

1. Hampiri pemasangan elektrik.
2. Hampiri talian elektrik putus.
3. Pegang tiang atau struktur yang menyalur elektrik.
4. Alih/baiki talian elektrik yang putus.

3 Selepas Banjir

1. **Off** suis utama atau injap utama saluran gas sebelum kerja-kerja pembersihan.
2. Pastikan kelengkapan elektrik kering sebelum digunakan.
3. Lantik kontraktor elektrik atau gas yang berdaftar dengan ST sekiranya meragui keselamatan.

THINK SAFETY, THINK ST

TAMAT

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Veliana Ruslan/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-2131978 (Veliana) / 011-28866271 (Hazwani) / 018-3822545 (Harith)

Emel: veliana@st.gov.my / noorhazwani@st.gov.my / harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.